



KUIM

PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR BARU ASASI, DIPLOMA & IJAZAH SARJANA MUDA

BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

DISEDIAKAN OLEH:-

**UNIT KEMASUKAN DAN REKOD
(JUN 2021)**

(Panduan ini WAJIB dibaca oleh semua bakal pelajar KUIM)

TARIKH PENTING BAGI KEMASUKAN PELAJAR SESI JUN 2021/2022

Bil.	Perkara	Tarikh Kemasukan (KEPUTUSAN PERCUBAAN SPM)	Tarikh Kemasukan (Sesi Jun 2021/2022)
1.	PERMOHONAN ONLINE DIBUKA : Program Prasiswazah (Asasi ,Diploma dan Ijazah Sarjana Muda)	8 Februari 2021 (Isnin)	8 Jun 2021 (Isnin)
2.	TARIKH PENDAFTARAN : Program Prasiswazah (Asas,Diploma dan Ijazah Sarjana Muda)	24 Mei 2021 (Isnin)	5 Julai 2021 (Isnin) (Kemasukan Pertama) 19 Julai 2021 (Isnin) (Kemasukan Kedua)
3.	TARIKH TEMUDUGA: Diploma Kejururawatan dan Ijazah Sarjana Muda Sains Kejururawatan - Sila hubungi Fakulti Kejururawatan dan Sains Kesihatan (FKSK) di talian 06-3876272 untuk maklumat lanjut.	8 Februari 2021 hingga 24 Jun 2021 (Isnin hingga Jumaat) 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Tidak termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum)	8 Jun 2021 hingga 5 Ogos 2021 (Isnin hingga Jumaat) 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Tidak termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum)
4.	TARIKH TUTUP PERMOHONAN ONLINE : Program Prasiswazah (Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda)	24 Jun 2021 (Khamis)	5 Ogos 2021 (Khamis)
5.	TARIKH TUTUP PERMOHONAN ONLINE: Program Pascasiswazah (Ijazah Sarjana & Ijazah Doktor Falsafah)	Permohonan Sepanjang Masa	
6.	TARIKH PENDAFTARAN : Program Pascasiswazah (Ijazah Sarjana & Ijazah Doktor Falsafah)	6 Julai 2021 (Selasa)	

Pengesahan Penerimaan Tawaran :

Pengesahan penerimaan tawaran boleh dibuat dengan mengisi borang BHEAA-UKR-02 atau dengan melengkapkan maklumat seperti di bawah :

NAMA :

NO. IC :

PROGRAM DITAWARKAN :

Dan email kepada syakir@kuim.edu.my

PENTING & SILA FAHAM

TAWARANINI TERTAKLUK KEPADA SYARAT
KELAYAKAN PROGRAM YANG DIMOHON

TAWARANINI **TERBATAL** SEKIRANYA SYARAT
KEMASUKAN PELAJAR TIDAK MENEPATI SYARAT
KEMASUKAN YANG DITETAPKAN

Jika anda dapati syarat kelayakan anda tidak menepati syarat program yang kami tawarkan, sila abaikan surat tawaran ini atau boleh menghubungi unit kemasukan dan rekod ditalian **06-387 8417/8420** untuk menukar ke program lain. Pihak KUIM tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerugian oleh pihak anda jika tidak mengikuti syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

*Keputusan Percubaan SPM tidak diambil kira.

*Hanya keputusan daripada SPM sahaja yang diterima pakai mengikut kepada syarat kemasukan pelajar. Keputusan peperiksaan selain itu yang tidak setara dengan SPM tidak diterima.

*Pemohon dari kelayakan **SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA (SVM)** dan **DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA (DVM)** sila hubungi pihak Kolej Universiti Islam Melaka terlebih dahulu sebelum menerima tawaran ini untuk semakan kelayakan masuk atau boleh email sijil kelayakan **SVM/DVM/Sijil/Transkrip** ke khirman@kuim.edu.my untuk semakan.

Terima Kasih.

***PENTING**

(*Sila semak syarat kelayakan terlebih dahulu sebelum menerima tawaran ini*)

PROGRAM PENGAJIAN DAN SYARAT KEMASUKAN**PROGRAM LEPASAN STPM/ STAM/ MATRIKULASI/ PROGRAM ASASI****PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA**

PROGRAM PENGAJIAN	SYARAT KEMASUKAN
IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN PEMBANGUNAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN (N/221/6/0040) 03/22 (MQA/FA 0998) # (SMPI) 4 Tahun	<p>I. LULUS Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau setara dengan mendapat sekurang-kurangnya gred C (PNGK 2.00) dalam salah satu mata pelajaran Pengajian Islam atau Bahasa Arab dan satu mata pelajaran lain ATAU;</p> <p>II. LULUS Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat keputusan sekurang-kurangnya Pangkat MAQBUL ATAU:</p> <p>III. LULUS Diploma dalam bidang Pengajian Islam dengan PNGK (CGPA) minimum 2.00 ATAU;</p> <p>IV. Lepasan Matrikulasi atau Foundation dalam bidang Pengajian Islam dengan mendapat PNGK minimum 2.00 ATAU;</p> <p>V. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.</p>
IJAZAH SARJANA MUDA PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN (N/381/6/0003) 04/24 (MQA/FA 10700) # (SMPKI) 3 ½ Tahun	<p>I. LULUS Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau SETARA dengan sekurang-kurangnya Lulus Penuh (Gred C) PNGK 2.00 dalam dua (2) matapelajaran dan LULUS Matematik pada peringkat SPM ATAU;</p> <p>II. LULUS Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan pangkat JAYYID dan LULUS Matematik pada peringkat SPM ATAU;</p> <p>III. Lepasan Matrikulasi atau Foundation yang diiktiraf dengan mendapat PNGK minimum 2.00 dan LULUS Matematik pada peringkat SPM ATAU;</p> <p>IV. Diploma dalam lain-lain bidang dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 ATAU;</p> <p>V. Diploma dalam Muamalat Kewangan Islam (MKI) atau SETARA dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.50 daripada 4.00; (Bagi calon yang memperolehi PNGK kurang daripada 2.50 tetapi melebihi 2.00 boleh diterima masuk tetapi tertakluk kepada proses penilaian dalaman).</p>
IJAZAH SARJANA MUDA PSIKOLOGI (KEPUJIAN) (R2/311/6/0050) 12/26(A 10708) # (SMP) 3 ½ Tahun	<p>I. LULUS Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau SETARA dengan sekurang-kurangnya Lulus Penuh (Gred C) PNGK 2.00 dalam dua (2) matapelajaran ATAU;</p> <p>II. Diploma dari mana-mana bidang dengan CGPA sekurang-kurangnya 2.00 ATAU;</p> <p>III. Lepasan Matrikulasi atau Asasi dengan CGPA 2.00 ATAU;</p> <p>IV. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia; DAN :</p> <p>V. Kepujian dalam mata pelajaran Matematik dan Sains serta lulus Bahasa Inggeris di Peringkat SPM (Wajib untuk setiap kelayakan di atas)</p>
IJAZAH SARJANA MUDA KAUNSELING (KEPUJIAN) (N/762/6/0052) 12/26(PA 13851) # (SMP) 3 Tahun	<p>I. Lulus STPM atau setara dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.0) dalam 2 matapelajaran; atau;</p> <p>II. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pangkat Jayyid; atau</p> <p>III. Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya gred B dalam 5 mata pelajaran; atau</p> <p>IV. Lulus Matrikulasi / Foundation/ Asasi dari mana-mana IPTA/IPTS/ Institusi yang dibenarkan menawarkan program foundation dengan mendapat PNGK 2.00 ; atau</p> <p>V. Diploma dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 ; atau</p> <p>VI. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya.</p>
IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (KEUSAHAWANAN) DENGAN KEPUJIAN (R/345/6/0905) 03/21 (FA 0109) # (BBAE) 4 Tahun	
IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (KEWANGAN) DENGAN KEPUJIAN (R/345/6/0904) 03/21 (FA 0176) # (BBAF) 4 Tahun	<p>I. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan sekurang-kurangnya Lulus Penuh (Gred C) dalam 2 mata pelajaran DAN LULUS Matematik dan Bahasa Inggeris pada peringkat SPM ATAU;</p> <p>II. LULUS STAM (pangkat Jayyid) dan LULUS Matematik dan Bahasa Inggeris pada peringkat SPM ATAU;</p> <p>III. Diploma dari mana-mana bidang dengan CGPA sekurang-kurangnya 2.00 ATAU;</p> <p>IV. Lepasan Matrikulasi/ Asasi dari mana-mana IPTA/IPTS/ institusi yang dibenarkan dengan mendapat sekurang-kurangnya gred CGPA 2.00 ATAU;</p> <p>V. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.</p>
IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN (N/340/6/0568) 06/27 (PA 4554) # (BAMKT) 3 ½ Tahun	
IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (PENGURUSAN) DENGAN KEPUJIAN (N/340/6/0567) 06/20 (PA 4553) #(BAMGT) 4 Tahun	

IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN (N/344/6/0465) 09/21 (PA 5545) # (BACC) 4 Tahun	I. LULUS Malaysia University English Test (MUET) Band 2 DAN ; II. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan minimum Gred C+ (NGMP 2.33) dalam 2 mata pelajaran ATAU ; III. LULUS Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan minimum gred Jayyid ATAU ; IV. Lepasan Matrikulasi/ Asasi dengan minimum gred PNGK (CGPA) 2.50 ATAU ; V. LULUS Diploma Perakaunan (Tahap 4 KKM) atau bidang berkaitan dengan minimum PNGK (CGPA) 2.50 SERTA ; KEPUJIAN Matematik di peringkat SPM ATAU : VI. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia
IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (EDAGANG) DENGAN KEPUJIAN (N/340/6/0769) 03/23 (MQA/PA 7582) # (BBEC) 3 ½ Tahun	I. LULUS Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan sekurang- kurangnya Lulus Penuh (Gred C) dalam 2 subjek DAN LULUS Matematik dan Bahasa Inggeris pada peringkat SPM ATAU ; II. Lulus Sijil Tinggi Agama Islam (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dan LULUS Matematik dan Bahasa Inggeris pada peringkat SPM ATAU ; III. Diploma dalam bidang berkaitan dengan minimum CGPA sekurang-kurangnya 2.00 ATAU ; IV. Lepasan Matrikulasi/ Asasi dari mana-mana IPTA/IPTS/ institusi yang dibenarkan dengan mendapat sekurang-kurangnya gred CGPA 2.00 ATAU ; V. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
IJAZAH SARJANA MUDA PERBANKAN ISLAM & TAKAFUL (KEPUJIAN) (N/343/6/0253) 03/23 (MQA/PA 5168) # (BIBT) 3 Tahun	I. LULUS Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan sekurang- kurangnya Lulus Penuh dalam 2 subjek (Gred C) ATAU ; II. LULUS STAM sekurang-kurangnya (pangkat Jayyid) ATAU ; III. Diploma dalam Muamalat Kewangan Islam atau mana-mana diploma dengan CGPA sekurang-kurangnya 2.5 ATAU ; IV. Lepasan Matrikulasi/ Asasi dari mana-mana IPTA/IPTS/ institusi yang dibenarkan dengan mendapat sekurang-kurangnya gred CGPA 2.00 ATAU ; V. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia. DAN : VI. LULUS Matematik pada peringkat SPM (Wajib bagi semua kelayakan di atas).
IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN HOSPITALITI (KEPUJIAN) (R/811/6/0032) 10/21 (FA 0489) # (BHM) 4 Tahun	I. LULUS Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan sekurang- kurangnya Lulus Penuh dalam 2 subjek (Gred C) ATAU ; II. Diploma dari mana-mana bidang dengan CGPA sekurang-kurangnya 2.00 ATAU ; III. Lepasan Matrikulasi dengan gred CGPA 2.00 ATAU ; IV. Lepasan Program Asasi dengan gred CGPA 2.00 ATAU ; V. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia
IJAZAH SARJANA MUDA EKOPELANCONGAN DAN REKREASI (KEPUJIAN) (N/812/6/0175) 03/23 (PA 5129) # (BETA) 3 ½ Tahun	I. LULUS Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan minimum CGPA 2.50 ATAU ; II. Matrikulasi / Asasi dalam bidang Sains dengan minimum CGPA 2.50 ATAU ; III. Diploma dalam mana-mana bidang minimum CGPA 2.50 ATAU ; IV. Diploma Kejururawatan dengan minimum dengan 2 tahun pengalaman klinikal . V. Semua calon dengan kelayakan pada no. I hingga III mestilah mempunyai Kredit bagi salah satu subjek peringkat SPM atau setaraf dengannya: - Sains/ Biologi/ Kimia/ Fizik/ Sains Gunaan & - Matematik Moden/Matematik Tambahan VI. Malaysia University English Test (MUET) dengan minimum Band 3. VII. Lulus Temuduga oleh KUIM .
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KEJURURAWATAN (KEPUJIAN) (N/723/6/0157) 11/21 (PA 4242) # (BNS) 4 Tahun	I. LULUS Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan sekurang- kurangnya Lulus Penuh dalam 2 subjek (Gred C) termasuk mata pelajaran Pengajian Islam DAN Kepujian Bahasa Arab (SPM) ATAU ; II. LULUS Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya Jayyid ATAU ; III. Diploma dalam bidang berkaitan dengan CGPA sekurang-kurangnya 2.00 DAN Kepujian dalam Bahasa Arab dan salah satu subjek (Pendidikan Islam/Pendidikan Al Quran & Sunnah/Pendidikan Syariah Islamiyah) di peringkat SPM; ATAU ; IV. Mana-mana kelayakan dalam Perundangan Syariah yang setara dengan Tahap 4 KKM dengan CGPA sekurang-kurangnya 2.5; ATAU ; V. Lepasan Matrikulasi/Foundation/ Asasi dengan gred CGPA 2.00 dan kepujian dalam Bahasa Arab dan salah satu subjek (Pendidikan Islam/Pendidikan Al Quran & Sunnah/Pendidikan Syariah Islamiyah) di peringkat SPM; ATAU ; VI. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.

PROGRAM LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)**PROGRAM DIPLOMA**

PROGRAM PENGAJIAN	SYARAT KEMASUKAN
DIPLOMA PENTADBIRAN ISLAM (R2/345/4/0551) 06/24 (A 10174) # (DPPI) 3 Tahun	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian(Kredit) dalam mana-mana matapelajaran DAN ; LULUS salah satu matapelajaran (Pendidikan Islam/ Bahasa Arab (Komunikasi/tinggi)/ Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah/ Pendidikan Syariah Islamiyyah); ATAU ; II. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM DENGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (R2/221/4/0023) 12/2023 (A 9316) # (DPSM) 3 Tahun	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian(Kredit) dalam mana-mana matapelajaran serta LULUS Matematik ATAU ; I. LULUS mana-mana Sijil Akademik yang diiktiraf oleh MQA ATAU ; II. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
DIPLOMA KEWANGAN SYARIAH (R2/343/4/0068) 05/23 (A 8771) # (DKS) 3 Tahun	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian(Kredit) dalam mana-mana matapelajaran serta LULUS Matematik ATAU ; I. LULUS mana-mana Sijil Akademik yang diiktiraf oleh MQA ATAU ; II. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
DIPLOMA SYARIAH ISLAMIYYAH (R2/221/4/0050) 10/22 (A 7956) # (DSI) 3 Tahun	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian (Kredit) dalam mana-mana mata pelajaran DAN LULUS salah satu matapelajaran Bahasa Arab (Komunikasi/Tinggi)/ Pendidikan Al-Quran, As-Sunnah/Pendidikan Syariah Islamiyyah ATAU ; II. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia. III. Pemohon digalakkan lepasan daripada aliran Agama.
DIPLOMA TAHFIZ AL QURAN WAL QIRAAAT (R/221/4/0173) 12/20 (A 10187) # (DTQ) 3 Tahun	

DIPLOMA PERUNDANGAN SYARIAH (R/381/4/0007) 12/2023 (A 9314) # (DPS) 3 Tahun	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian(Kredit) dalam mana-mana matapelajaran ATAU ; II. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
DIPLOMA UNDANG-UNDANG (N/380/4/0063) 10/2024 (PA 10006) # (DUU) 3 Tahun	

DIPLOMA KAUNSELING (R/762/4/0009) 12/23 (A 9315) # (DPIK) 3 Tahun	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian (Kredit) dalam mana-mana matapelajaran ATAU ; II. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
DIPLOMA KOMUNIKASI MASSA (R/321/4/0029) 10/21 (A 0611) # (DKM) 3 Tahun	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian (Kredit) termasuk Bahasa Inggeris ATAU ; II. LULUS Malaysia University English Test (MUET) Band 2 ATAU ; III. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.

DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (N/143/4/0100) 04/20 (FA 5158) # (DPAK) 3 Tahun	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian (Kredit) dalam mana-mana matapelajaran ATAU ; II. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
---	---

DIPLOMA BAHASA ARAB UNTUK KERJAYA (N/224/4/0088) 07/24 (PA 10489) # (DBAK) 3 Tahun	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian (Kredit) termasuk matapelajaran Bahasa Melayu dan 2 mata pelajaran lain, serta LULUS mata pelajaran Bahasa Arab ATAU ; II. LULUS Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat keputusan sekurang-kurangnya Pangkat MAQBUL serta LULUS mata pelajaran Bahasa Arab di peringkat SPM ATAU ; III. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
DIPLOMA PEMASARAN (R2/342/4/0101) 06/24 (A 9754) # (DP) 2 Tahun	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian(Kredit) dalam mana-mana matapelajaran ATAU ; II. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
DIPLOMA PERAKAUNAN (R2/344/4/0248) 06/24 (A 9838) # (DA) 3 Tahun	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian (Kredit) termasuk Matematik dan DUA (2) mata pelajaran lain serta LULUS Bahasa Inggeris ATAU ; II. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia
DIPLOMA KEWANGAN (R/343/4/0107) 01/24 (A 9468) # (DW) 2 Tahun	
DIPLOMA SISTEM MAKLUMAT PERNIAGAAN (R/340/4/0248) 12/18 (A 9308) # (DBIS) 2 Tahun 4 Bulan	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian (Kredit) dalam mana-mana matapelajaran ATAU ; II. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia
DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (N/482/4/0189) 9/26 (PA 9748) # (DIT) 2 Tahun 4 Bulan	III. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 Kepujian (Kredit) termasuk mata pelajaran Matematik ATAU ; IV. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia
PROGRAM ASASI PERNIAGAAN (R/010/3/0095) 01/23 (FA1632) #(PAP) 1 Tahun *Kemasukan hanya setiap Mei/Jun sahaja.	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 5 Kepujian (Kredit) termasuk matapelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan 3 mata pelajaran lain .
DIPLOMA PENGURUSAN PERHOTELAN (R2/811/4/0184) 01/24 (A 3693) #(DHM) 3 Tahun	
DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN (R/812/4/0109) 07/20 (A 11503) #(DTM) 2 ½ Tahun	II. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya 3 Kepujian (Kredit) dalam mana-mana matapelajaran ATAU ; II. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
DIPLOMA KEJURURAWATAN (R/723/4/0138) 07/20 (FA 9085) #(DK) 3 Tahun	I. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 5 Kepujian (Kredit) termasuk matapelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan *Sains/Biologi (*salah satu) Serta 2 mata pelajaran lain ATAU ; II. Kredit Kimia atau Fizik dan Lulus Biologi DAN ; III. LULUS mata pelajaran Bahasa Inggeris DAN ; IV. Lulus Temuduga oleh KUIM

***PENTING**

***Jika anda mendapati syarat kelayakan anda TIDAK menepati syarat program yang ditawarkan sila abaikan surat tawaran ini @ boleh menghubungi Unit Kemasukan dan Rekod di talian 06-387 8417 / 8420 untuk menukar ke program lain.**

*** Pihak KUIM berhak membatalkan tawaran ini jika didapati kelayakan pemohon tidak menepati kemasukan yang ditetapkan.**

PANDUAN PENDAFTARAN

Tawaran pengajian ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1.0 LAPORAN KESIHATAN

Mahasiswa/i dikehendaki membuat pemeriksaan doktor dari hospital kerajaan ataupun hospital/klinik swasta dengan disertakan laporan kesihatan (Borang pemeriksaan doktor ada dilampirkan iaitu **Borang BHEAA-UKR-04**). Mahasiswa/i dikehendaki membawa Laporan Pemeriksaan Doktor semasa anda mendaftar. **Sekiranya kesuntukan masa**, Mahasiswa/i boleh mendaftar dengan diberi tempoh sebulan untuk menyelesaikannya. Kos pemeriksaan doktor adalah ditanggung oleh mahasiswa/i.

2.0 PENDAFTARAN

Sekiranya Mahasiswa/i menerima tawaran ini, Mahasiswa/i dikehendaki mendaftar dengan membawa bersama-sama borang yang lengkap diisi seperti yang dilampirkan seperti berikut :

BHEAA-UKR-02	Borang Pengesahan Penerimaan Tawaran
BHEAA-UKR-03	Biodata Pelajar, disertakan sekali salinan Slip Keputusan STPM/SPM/STAM, Transkrip Diploma/ Sarjana Muda , Salinan Sijil Berhenti Sekolah dan Ko-Kurikulum .
BHEAA-UKR-04	Pemeriksaan Kesihatan
BHEAA-UKR-05	Borang Akuan Ibubapa/Penjaga Mahasiswa
BHEAA-UKR-06	Surat Sumpah
PB-UP-01	Borang Jaminan Kewangan (Diserahkan di kaunter kewangan)

Tarikh pendaftaran adalah seperti mana yang dinyatakan didalam surat tawaran. **Sekiranya mahasiswa menerima tawaran ini selepas tarikh pendaftaran, mahasiswa boleh merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa dan Antarabangsa KUIM.** Pendaftaran ini hanya sah bagi pendaftaran sesi kemasukan seperti yang dinyatakan didalam surat tawaran pengajian sahaja. Semua borang yang diberikan kepada mahasiswa/i perlulah diisi lengkap sebelum hari pendaftaran.

3.0 BAYARAN PENDAFTARAN

Pada hari pendaftaran, mahasiswa/i boleh membuat bayaran pendaftaran minima mengikut jumlah bayaran yang telah ditetapkan oleh pihak KUIM (sila rujuk jadual dibawah).

BAYARAN PENDAFTARAN BAGI PROGRAM ASASI

Fakulti	Bayaran PENDAFTARAN	Fee KEMASUKAN	Yuran MPP KUIM	Jumlah Keseluruhan PENDAFTARAN
• <u>Semua Fakulti</u>	RM 250.00	RM 0.00	RM 70.00	RM 320.00

Semua bayaran diatas perlu dijelaskan pada hari pendaftaran.

BAYARAN PENDAFTARAN BAGI PROGRAM DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA

Program	Bayaran PENDAFTARAN	Fee KEMASUKAN	Yuran MPMKUIM	Jumlah Keseluruhan PENDAFTARAN
<ul style="list-style-type: none"> Diploma Kejuruteraan Tenaga Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan) 	RM 250.00	RM 0.00	RM 70.00	RM 320.00
<ul style="list-style-type: none"> Ijazah Sarjana Muda Sains Kejururawatan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan Ijazah Sarjana Muda Perbankan Islam & Takaful Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (E Dagang) Ijazah Sarjana Muda Ekopelancongan & Rekreasi Ijazah Sarjana Muda Perundangan Syariah Diploma Bahasa Arab Untuk Kerjaya Diploma Undang-Undang 	RM 250.00	RM 0.00	RM 70.00	RM 320.00
Program selain program di atas	RM 250.00	RM 0.00	RM 70.00	RM 320.00

Semua bayaran diatas perlu dijelaskan pada hari pendaftaran.

4.0 CARA PEMBAYARAN YURAN PENDAFTARAN

Pembayaran yuran boleh dijelaskan dengan diKreditkan terus ke dalam akaun semasa KUIM atau boleh dijelaskan secara tunai semasa hari pendaftaran. Pihak kami tidak akan menerima apa-apa bayaran dalam bentuk cek.

* *Pembayaran boleh dibuat ke akaun seperti di bawah :*

<p>Bayaran Pendaftaran:</p> <p>Butiran Maklumat Bank</p> <p>NAMA BANK : BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)</p> <p>NAMA AKAUN : KOLEJ TEKNOLOGI ISLAM MELAKA BERHAD</p> <p>NO. AKAUN : 04024010001000</p>
--

Mahasiswa/i dikehendaki membawa salinan slip pembayaran tersebut sebagai bukti pembayaran ke kaunter pembayaran pada hari pendaftaran.

Lain-lain yuran hendaklah dibayar di kaunter Unit Hasil Pejabat Bendahari, Kolej Universiti Islam Melaka. Jika ada mahasiswa/i yang masih mempunyai yuran tertunggak pada sesuatu semester, pihak KUIM berhak menghalang mahasiswa/i daripada menduduki peperiksaan akhir semester.

5.0 PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN

5.1 Pertukaran program pengajian hanya dibenarkan berdasarkan peraturan berikut:-

- 5.1.1 Permohonan hendaklah dibuat sebelum pendaftaran kursus di Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa dan Antarabangsa (BHEAA).
- 5.1.2 Program pengajian yang dimohon adalah memenuhi syarat kemasukan dan kelayakan yang dimiliki oleh pemohon.
- 5.1.3 Pertukaran hanya dibenarkan kepada program yang tidak melibatkan **proses temuduga kemasukan**.

- 5.2 Pertukaran program pengajian oleh Mahasiswa/i hanya boleh dilakukan setelah mendapat **kebenaran bertulis** dari Dekan Fakulti asal beserta dengan sokongan **Penyelaras Program** dan Dekan Fakulti yang ingin dimohon dengan mengisi Borang Pertukaran Program di Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa.

6.0 PENARIKAN DIRI SELEPAS MENDAFTAR

6.1 Prosedur Penarikan Diri

- 6.1.1 Permohonan penarikan diri hendaklah **dikemukakan secara bertulis** dengan **mengisi Borang Berhenti** dari pengajian yang boleh didapati dari Kaunter Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa. Borang berhenti hendaklah **diisi dengan lengkap** oleh mahasiswa/i sendiri atau keluarga. Pihak KUIM tidak akan menerima borang berhenti yang tidak dilengkapkan sepenuhnya oleh pemohon.
- 6.1.2 Mahasiswa/i juga diminta berjumpa dengan Dekan/Penyelaras Program terlebih dahulu sebelum mengisi borang berhenti.

6.2 Prosedur Pemulangan Pembayaran Yuran

- 6.2.1 Prosedur pemulangan pembayaran yuran adalah berdasarkan kepada tempoh pengajian mahasiswa/i di KUIM seperti jadual berikut:

MENARIK DIRI/ MENANGGUH SEMESTER SELEPAS MENDAFTAR (SEBELUM MINGGU KE 5)			MENARIK DIRI/ MENANGGUH SEMESTER SELEPAS MENDAFTAR (MINGGU KE 5 KE ATAS)	
PERKARA	YURAN DI CAJ	YURAN DI KEMBALIKAN	YURAN DI CAJ	YURAN DI KEMBALIKAN
MAHASISWA/ MAHASISWI SEMESTER 2 DAN KE ATAS	YURAN PENDAFTARAN	CAGARAN	SEMUA YURAN PADA SEMESTER TERSEBUT	TIADA
	YURAN ASRAMA (1 BLN)	YURAN ASRAMA (4 BLN)		
		YURAN PENGAJIAN (100%)		
MAHASISWA/ MAHASISWI SEMESTER 1	YURAN PENDAFTARAN	CAGARAN	SEMUA YURAN PADA SEMESTER TERSEBUT	TIADA
	PROSES KEMASUKAN	YURAN ASRAMA (4 BLN)		
	YURAN ASRAMA (1 BLN)	YURAN PENGAJIAN (100%)		

*Prosedur pemulangan Yuran Pengajian

- 6.2.2 Bayaran yuran yang akan dikembalikan sekiranya telah dijelaskan sepenuhnya.
- 6.2.3 Pengiraan bayaran balik dan yuran yang dikenakan hanya akan dibuat berdasarkan tarikh kelulusan berhenti.
- 6.2.4 Bayaran balik akan disalurkan terus ke akaun BIMB atau CIMB mahasiswa/i sahaja.

7.0 PINJAMAN PELAJARAN

- 7.1 Unit Pinjaman KUIM akan membantu menguruskan pinjaman pelajaran mahasiswa/i selepas sesi pendaftaran dijalankan. Satu taklimat akan diberikan kepada mahasiswa/i berkaitan dengan pinjaman pelajaran semasa/selepas minggu mesra siswa/i. Beberapa jenis pinjaman/pengeluaran yang diuruskan oleh pihak KUIM iaitu Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Tabung Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM), MARA, Yayasan Sabah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), PERKESO, Yayasan Negeri, Baitulmal dan sebagainya.

- 7.2 Bagi **Pelajar Antarabangsa dan Asasi TIADA** pinjaman pengajian disediakan.
- 7.3 Bagi pelajar yang memegang taraf warganegara Malaysia tetapi **ibu/bapa bukan warganegara Malaysia** pelajar boleh merujuk kepada pihak pinjaman mengenai perkara yang berkaitan.
- 7.4 Syarat dan keperluan bagi permohonan pinjaman pelajaran adalah seperti berikut:-

PINJAMAN PELAJARAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Sila pastikan pemohon memenuhi keperluan berikut sebelum membuat permohonan secara atas talian (**on-line**) di <http://www.ptptn.gov.my/>

- Memenuhi syarat-syarat permohonan pembiayaan pendidikan PTPTN.
- Membeli nombor pin di Bank Simpanan Nasional (BSN). No PIN hanya sah dalam tempoh 6 bulan bermula dari tarikh pembelian No PIN di Bank Simpanan Nasional (BSN) sehingga tarikh pendaftaran permohonan online.
- Membuka Akaun Simpanan Persendirian **SSPN** dan **BIMB (Bank Islam Malaysia)**.
- Mempunyai alamat e-mel yang sah bagi urusan rasmi PTPTN.
- Menyelesaikan keseluruhan hutang pembiayaan pendidikan terdahulu sekiranya pernah mendapat pembiayaan pendidikan PTPTN tetapi gagal/berhenti/ mendapat penaja lain/ membatalkan pembiayaan pendidikan PTPTN.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web ptptn di <http://www.ptptn.gov.my/>

PINJAMAN WANG PENGAJIAN TINGGI KERAJAAN NEGERI MELAKA MELALUI TABUNG AMANAH PENDIDIKAN NEGERI MELAKA (TAPEM)

Permohonan adalah dipelawa daripada **“ANAK NEGERI MELAKA”**. Tawaran adalah bagi pengambilan **SESI JUN 2021** untuk mengikuti kursus-kursus (terpilih) untuk mengikuti kursus-kursus peringkat pengajian Diploma dan Ijazah Pertama sahaja.

CARA MEMOHON :

- Keterangan lanjut boleh didapati di Pejabat Tabung Amanah Pendidikan Melaka (TAPEM), No. 34-4, Tingkat 4, Jalan KC1, Bangunan Kota Cemerlang, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.
- Permohonan boleh dibuat melalui online di laman sesawang <http://tapemonline.melaka.gov.my>.
- Setelah mengisi dan melengkapkan butiran maklumat yang diperlukan, permohonan yang lengkap perlu dicetak beserta lampiran dokumen yang telah disahkan dan hendaklah sampai ke pejabat **TAPEM** ke alamat seperti berikut :

**PENGURUS BESAR,
TABUNG AMANAH PENDIDIKAN MELAKA,
NO. 34-4, TINGKAT 4, JALAN KC1,
BANGUNAN KOTA CEMERLANG, HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA.
TEL : 06-3333333
Samb. 3215, 3205, 3213, 3201, 06-2331539**

Keterangan lanjut mengenai pinjaman pelajaran boleh dirujuk terus ke Unit Pinjaman KUIM.

8.0 BANTUAN KEWANGAN (selain pinjaman pelajaran)

- 8.1 Pihak KUIM bersedia membantu mahasiswa/i di dalam permohonan untuk mendapatkan bantuan kewangan dari mana-mana organisasi/ agensi yang ada menawarkan bantuan kewangan tersebut.
- 8.2 Walaubagaimanapun, segala urusan antara pelajar/penjaga dengan pihak pemberi bantuan hendaklah diuruskan oleh pelajar/penjaga sendiri. Pihak KUIM bersedia membantu bagi pengesahan pengajian/ dokumen sokongan yang diperlukan. Walaubagaimanapun kelulusan bantuan adalah tertakluk kepada organisasi/ agensi tersebut. Antara organisasi/ agensi yang menawarkan bantuan kewangan adalah:-
 - **Pengeluaran Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) oleh penjaga**
 - **Yayasan-Yayasan Negeri**
 - **Bantuan Zakat/ Baitulmal negeri**
 - **Bantuan Zakat Melaka**

Syarat dan panduan permohonan

- Pemohon perlu mendapatkan borang permohonan di organisasi/ agensi tersebut secara peribadi.
- Segala urusan perlu dilakukan oleh pemohon/penjaga sahaja.
- Pihak KUIM akan membantu di dalam memberi surat pengesahan dan dokumen sokongan yang berkaitan.

9.0 PENGINAPAN ASRAMA (RUMSIS)

Urusan Rumsis merupakan bidang kuasa Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

- 9.1 Semua urusan pembahagian bilik akan ditentukan selepas program Minggu Mesra Siswa.
- 9.2 Kemudahan katil, almari, meja dan kerusi belajar disediakan. Mahasiswa/i diingatkan supaya **menyediakan keperluan seperti bantal, sarung bantal, selimut, cadar (warna adalah bebas) dan keperluan peribadi yang lain.**
- 9.3 Penghuni rumsis adalah tertakluk kepada peraturan rumsis dan dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan tersebut. Sekiranya melanggar peraturan, tindakan tegas akan diambil.
- 9.4 Mahasiswa/i **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali untuk memasak di rumsis.
- 9.5 Mahasiswa/i baharu adalah diwajibkan menginap di rumsis.

10.0 MINGGU MESRA SISWA (MMS)

- 10.1 Mahasiswa/i **DIWAJIBKAN** mengikuti Minggu Mesra Siswa (MMS) yang diadakan selepas pendaftaran tanpa sebarang alasan munasabah.
- 10.2 Tidak dibenarkan membawa komputer atau sebarang barang yang berharga semasa program ini berlangsung.

Pakaian semasa Minggu Mesra Siswa/i (MMS)**Mahasiswa**

- Hendaklah membawa sepasang Baju Melayu, sampin, songkok (hitam), tiga (3) helai kemeja lengan panjang/pendek, tiga (3) helai seluar panjang (slack), tali leher, pakaian sukan (lengan pendek dan berkollar) dan sepasang kasut sukan serta sarung kaki dan lain-lain keperluan peribadi.

Mahasiswi

- Hendaklah membawa tiga (3) pasang baju kurung, tudung berwarna, (sehelai tudung bewarna hitam - wajib) (selendang tidak dibenarkan), pakaian sukan (lengan panjang) dan sarung kaki (wanita) sepasang kasut sukan serta sarung kaki dan lain-lain keperluan peribadi.
- Bagi pelajar **Non-Muslim** pakaian adalah yang sopan, tidak ketat dan tidak menjolok mata.
- Pemakaian Purdah atau apa sahaja yang menutup muka **tidak dibenarkan** di kawasan Kampus KUIM.

11.0 KOD ETIKA BERPAKAIAN (Sewaktu Kuliah)**11.1: Mahasiswa**

- Kemeja lengan panjang/pendek dan bertali leher
- Seluar panjang (slack)
- Baju Melayu bersampin dan bersongkok (hari Jumaat)
(DIWAJIBKAN memakai tali leher setiap hari isnin)
- (bagi pelajar **Fakulti Pengurusan Hospitaliti** – perlu menyediakan sepasang kemeja putih lengan panjang berseluar slack hitam (tidak ketat) dan berkasut hitam).

11.2: Mahasiswi

- Baju kurung dan bertudung (menutupi bahagian dada, rambut dan bahu).
- (bagi Pelajar **Fakulti Pengurusan Hospitaliti** – perlu menyediakan sepasang baju kurung putih, kain sarung hitam, bertudung putih dan berkasut hitam).

- Bagi pelajar Non-Muslim pakaian adalah yang sopan, tidak ketat dan tidak menjolok mata.
- Pemakaian Purdah atau apa sahaja yang menutup muka **TIDAK DIBENARKAN** di kawasan Kampus KUIM.

(Mahasiswa/i dilarang memakai *seluar jeans* di kawasan kampus)

12.0 TINGKAH LAKU MAHASISWA/I

Sepanjang tempoh pengajian di Kolej Universiti Islam Melaka anda dikehendaki :

- 12.1 : Mematuhi Undang-Undang Negara dan Peraturan Kolej Universiti Islam Melaka (Tata tertib Pelajar) dan peraturan yang digubal dari semasa ke semasa.
- 12.2 : Sentiasa menjaga nama baik KUIM, harta benda dan kemudahan yang disediakan.
- 12.3 : Menghormati pegawai, pensyarah, anggota perkhidmatan Kolej Universiti Islam Melaka serta mengambil bahagian dalam semua kegiatan yang dianjurkan oleh Fakulti, Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Pentadbiran KUIM.
- 12.4 : Tidak melibatkan diri dalam sebarang kegiatan yang boleh menghalang Pentadbiran KUIM.

13.0 GAMBAR

Mahasiswa/i dikehendaki membawa lima (5) keping gambar, satu (1) keping untuk kad matrik, Dua (2) keping untuk kegunaan perpustakaan dan dua keping (2) untuk kegunaan fakulti.

- | | |
|---------|--|
| Siswa - | Kemas dan baju berkollar, memakai songkok |
| Siswi - | Bertudung dan menutup bahagian dada (muslim) |
| | Kemas dan sopan (bagi non muslim) |

14.0 HAK MENARIK SEMULA TAWARAN PENGAJIAN

Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) berhak menarik semula/ membatalkan sesuatu tawaran pengajian atau menyingkirkan seseorang pelajar pada bila-bila masa jika pada satu-satu masa sepanjang tempoh pengajian didapati kenyataan dan maklumat yang diberi dalam permohonan adalah palsu / melanggar mana-mana peraturan atau sekiranya berlaku kesilapan didalam penawaran program dari pihak Kolej Universiti Islam Melaka.

Etika berpakaian semasa hari pendaftaran

Siswa :-

- **Kemeja (lengan pendek / panjang)**
- **Seluar slack**
- **Memakai kasut**
- **Bersongkok (Muslim sahaja)**

Siswi :-

- **Baju Kurung**
- **Tudung berwarna putih / hitam sahaja (Purdah tidak dibenarkan dalam kawasan kampus).**
- **Bagi non-muslim pakaian adalah sopan, tidak ketat dan tidak menjolok mata.**

***Pihak Kolej Universiti berhak untuk tidak membenarkan seseorang calon mahasiswa/i membuat pendaftaran sekiranya etika berpakaian ini tidak dipatuhi semasa hari pendaftaran.**

**MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA
(MPMKUIM)**



YURAN KEAHLIAN

Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA),
Kolej Universiti Islam Melaka
TEL: 06-3878382/8412 FAKS: 06-3878986

**YURAN KEAHLIAN
MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (MPMKUIM)**

BUTIRAN	JUMLAH
YURAN MPPMKUIM	RM 70.00

- Bayaran yuran keahlian MPMKUIM hanya sekali bayaran untuk sepanjang tempoh pengajian bagi satu-satu peringkat pengajian mahasiswa/i di KUIM.
- **WAJIB** kepada semua mahasiswa/i Kolej Universiti Islam Melaka dan perlu dibayar semasa hari pendaftaran.

**YURAN KEAHLIAN
PERSATUAN ALUMNI KUIM**

BUTIRAN	JUMLAH
YURAN ALUMNI	RM 50.00

- Bayaran yuran keahlian ALUMNI KUIM perlu dijelaskan pada akhir semester bagi satu-satu peringkat pengajian mahasiswa/i di KUIM.
- Wajib kepada semua mahasiswa/i Kolej Universiti Islam Melaka yang bakal bergraduat dan perlu dibayar pada semester akhir sebelum konvokesyen.

YURAN PENGAJIAN FAKULTI KEILMUAN ISLAM
PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA

JENIS YURAN	TAHUN 1			TAHUN 2		TAHUN 3		TAHUN 4		JUMLAH
	DAFTAR	SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 8	BESAR
		RM								
PENDAFTARAN	320.00	370.00	270.00	420.00	270.00	420.00	270.00	420.00	270.00	3,030.00
CAGARAN PELAJAR	-	400.00	-	-	-	-	-	-	-	400.00
YURAN PENGAJIAN	-	3,888.00	3,888.00	4,617.00	4,374.00	4,374.00	4,374.00	2,187.00	1,458.00	29,160.00
JUMLAH YURAN	320.00	4,658.00	4,158.00	5,037.00	4,644.00	4,794.00	4,644.00	2,607.00	1,728.00	32,590.00
JUMLAH JAM KREDIT	-	16	16	19	18	18	18	9	6	120
YURAN ASRAMA	Yuran asrama adalah pada kadar RM 1080.00 sehingga RM 2,100.00 setiap semester bergantung kepada kategori bilik.									

- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan Islam dengan Kepujian**

*Yuran Asrama hanya tertakluk kepada pelajar yang menginap sahaja (mengikut kategori bilik)

**Cagaran Pelajar akan dipulangkan setelah tamat pengajian.

***Yuran pengajian yang dikenakan tertakluk kepada subjek yang diambil pada semester semasa dengan kadar jam Kredit = **RM 243.00 / jam**

** Jumlah yuran tidak termasuk Yuran Alumni RM50

JENIS YURAN	TAHUN 1			TAHUN 2		TAHUN 3		TAHUN 4		JUMLAH
	DAFTAR	SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	BESAR	
